



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

**Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI PROJEK KANAN (B.3)
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI PROJEK KANAN
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Hotel and Tourism Management* / Pelancongan dan Pemasaran / Pengurusan Awam / Pengurusan Perniagaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Berkemahiran dan bekebolehan dalam *organizational development*, pengurusan kewangan dan pengurusan perancangan strategik.
4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3A yang sah (tidak mansuh).
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Pembangunan Perniagaan;
2. Membangunkan dan memantau pangkalan data kontrak perniagaan pelancongan (PSI, RFP, FDI);
3. Membangunkan dan memantau pangkalan data portfolio perniagaan pelancongan (mengikut sektor);
4. Memupuk hubungan B2B dengan pihak berkepentingan dan agensi;
5. Memastikan projek disiapkan tepat pada masanya tanpa lebihan kos;
6. Mencadangkan insentif yang bersesuaian (sokongan) untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan dalam industri pelancongan terpilih (tempatan dan FDI);
7. Membina dan mengurus garis masa projek untuk menjejaki pencapaian utama projek bagi tujuan semakan bersama Pengarah (PSI, RFP, FDI); dan
8. Merancang strategik dan menguruskan keseluruhan portfolio pembangunan bisnes serta berusaha untuk membuat penambahbaikan berterusan untuk bahagian berkenaan.